

MEMAHAMI TAFSIRAN PERKATAAN “*AL-ISLĀM*” PERSPEKTIF MUHAMMAD ASAD DALAM “THE MESSAGE OF THE QURĀN”

(Understanding Interpretation of “Islam” from Muhammad Asad’s Perspective in
“The Message of the Qurān”)

¹NURHAYATI ABDULLAH*

^{2,3}KAMARUDIN SALLEH*

¹Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100, Putrajaya, Malaysia

²Pusat Akidah dan Keamanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

³Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Islam telah disepakati oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah sebagai satu nama agama yang diiktiraf kebenarannya secara mutlak dan satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah SWT (eksklusif). Namun bagi Muhammad Asad, beliau mentafsirkan Islam dengan cara yang berbeza daripada tafsiran muktabar. Muhammad Asad mentafsirkan Islam sebagai penyerahan diri kepada tuhan (self surrender to God) dengan makna bahasa secara generik. Kajian analitikal deskriptif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menganalisa terjemahan dan huraian Muhammad Asad terhadap nas-nas al-Quran yang mengandungi perkataan Islam untuk memahami tafsiran Islam perspektif beliau dalam karyanya, *The Message of the Qur’ān* dan memberikan ulasan kritikal terhadap idea beliau. Tafsiran Islam perspektif Muhammad Asad didapati menjurus kepada fahaman pluralisme agama kerana mengiktiraf kebenaran semua agama monoteisme.

Kata kunci: Muhammad Asad; Islam; Islam liberal; pluralisme agama; kebenaran mutlak

*Corresponding author: Nurhayati Abdullah / Kamarudin Salleh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100, Putrajaya, Malaysia / Pusat Akidah Dan Keamanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: nursodiq@gmail.com/ dins@ukm.edu.my
Diserahkan: 7 Disember 2017
Diterima: 14 Julai 2018
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2019-1101-03>

ABSTRACT

Islam has been agreed unanimously by all scholars of Ahli Sunah Waljamaah as a name of religion which is recognized as the absolute truth and the only religion accepted by Allah SWT (exclusive). As for Muhammad Asad nonetheless, he has interpreted Islam which is different from the mu'tabar group of interpretation. Muhammad Asad interpreted Islam as a self-surrender to God with generic language meaning. This analytical descriptive study applied content analysis method by analyzing the interpretation of Islam from Muhammad Asad's perspective on relevant texts that contained the term Islam in his work of interpretation entitled The Message of the Qur'an and pointed out some critical views towards his idea. The findings suggest that the interpretation of Islam from Muhammad Asad's perspective has led to religious pluralism ideology because of recognition of truth to all monotheistic religions.

Keywords: *Muhammad Asad; Islam; Liberal Islam; Religious Pluralism; truth claim*

PENDAHULUAN

Penterjemahan dan tafsiran perkataan Islam dalam wacana arus perdana umat Islam telah disepakati merujuk kepada nama khas agama bagi umat Nabi Muhammad SAW yang dikenali dengan cirinya yang tertentu seperti mempunyai konsep agama, prinsip dasar akidah, ajaran syariat yang khusus serta ajaran akhlak yang menjadikannya sebagai sebuah agama yang diterima di sisi Tuhan.

Walau bagaimanapun, Muhammad Asad berpandangan bahawa kalimah Islam sepatutnya diterjemahkan sebagai 'sikap menyerah diri' kepada tuhan (self surrender to God) dengan makna bahasa secara generik [generic (eng.): makna umum, tidak spesifik] iaitu bukan merujuk kepada satu nama agama yang khusus:

For instance, when his contemporaries heard the words Islam and muslim, they understood them as denoting man's "self surrender to God" and "one who surrender himself to God" without limiting these terms to any specific community or denomination (Muhammad Asad 1980).

Terjemahan: Sebagai contoh, apabila para sahabat mendengar perkataan Islam dan muslim, mereka memahaminya sebagai tanda sikap "berserah diri seseorang insan kepada Tuhan" dan "seorang yang menyerahkan dirinya kepada Tuhan" tanpa membataskan terminologi ini kepada mana-mana komuniti atau nama kumpulan agama yang spesifik.

Persoalannya, jika berlaku perubahan makna terhadap perkataan Islam, apakah ia tidak menjejaskan konsep tertentu dan prinsip tauhid dalam agama Islam? Kerana hakikat Islam itu sendiri tidak terpisah daripada prinsip dan konsep yang terkandung

di dalamnya. Menurut Ahmad Sabri Othman (2015), al-Faruqi menerangkan bahawa pengalaman keagamaan bagi orang Islam ialah tauhid itu sendiri, iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Ini adalah pegangan utama setiap Muslim. Makalah ini cuba menganalisa terjemahan dan huraian Muhammad Asad dalam karya terjemahan al-Quran beserta huraian beliau, “*The Message of the Qur’ān*”, terhadap nas al-Quran yang mengandungi perkataan Islam untuk mendapatkan kefahaman mengenai perspektif Muhammad Asad terhadap perkataan Islam dan mengkaji kesan saling kaitan terhadap beberapa konsep penting yang lain dalam agama Islam.

KAJIAN LITERATUR

Muhammad Asad atau Leopold Weiss (namanya sebelum memeluk Islam) adalah seorang pemikir Islam berketurunan Yahudi, yang dilahirkan pada 2 Julai 1900 di Lviv (sekarang di negara Ukraine yang terletak di Timur Galicea). Beliau mempunyai pengaruh Rabbi yang kuat daripada susur galur orang tuanya. Muhammad Asad memeluk Islam pada tahun 1926 (Muhammad Asad 1966, 1981 & 2016) dan meninggal dunia pada tahun 1992 di Sepanyol. Namanya menjadi perhatian ramai selepas menghasilkan sebuah autobiografi bertajuk *The Road To Mecca* mengenai persinggahannya di Tanah Arab dan pemelukannya agama Islamnya sekitar tahun 1927-1932 (Muzaffar Iqbal 2016).

Penghasilan karyanya, iaitu terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris serta huraian, *The Message of the Qur’ān* dengan pendekatan moden pada 1980 terus menaikkan namanya sebagai figura Islam. Walau bagaimanapun, menurut Muzaffar Iqbal, hampir mustahil untuk menilai tahap kepakaran, pengetahuan dan kefahamannya mengenai keluasan ilmu al-Quran, hadis dan fiqh kerana kekurangan maklumat. Ini adalah kerana Muhammad Asad tidak mendedahkan siapa gurunya dan lingkungan kenalannya dalam autobiografi tersebut. Adakah beliau mendapat pendidikan formal pengajian Islam; apakah bahan bacaan yang menjadi rujukan beliau sepanjang tempoh persinggahan beliau di Tanah Arab; apakah yang membentuk pandangan alam (*worldview*) beliau; dan apakah gambaran beliau terhadap tradisi Islam tidak diketahui.

Tidak banyak penyelidikan yang mengkaji Tafsir Muhammad Asad, *The Message of the Qur’ān* sama ada dari segi metodologi atau perbincangan daripada sudut kandungan. Maziah Mahmud (2007) membuat kesimpulan bahawa pentafsiran Muhammad Asad dalam *The Message of the Qur’ān* tidak membahayakan pembacanya. Beliau berpandangan bahawa cara Muhammad Asad mempersembahkan hasil kerjanya dengan gaya *allegorical* (kiasan ibarat) dan *parabolic* (cerita sebagai pengajaran) menjadikan tafsir ini sesuai dengan zaman moden dan diterima umum.

Kebelakangan ini, Muhammad Asad sering disebut-sebut dan dipopularkan oleh Islamic Renaissance Front (IRF), sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang memperkenalkan diri sebagai gerakan intelektual dan badan pemikir yang memperjuangkan keunggulan akal. IRF bercita-cita untuk membebaskan pemikiran umat Islam daripada kekerasan ortodoks dan konservatif. IRF telah melancarkan versi terjemahan bahasa Melayu *The Message of the Qur'an* yang berjudul Risalah al-Qur'an pada 26 Februari 2012 di Muzium Seni Islam, Kuala Lumpur (Ahmad Farouk Musa 2014).

Ahmad Farouk Musa, Pengarah IRF baru-baru ini mengisytiharkan dalam “Wacana Pemikiran Reformis” (27 Mac 2017) bahawa IRF bertekad menghidupkan kembali ajaran Muktazilah dan mengakui bahawa, “IRF adalah penjelmaan semula pemikiran dan aliran rasionalisme Muktazilah di dunia Islam masani (masa kini)” (Ahmad Farouk Musa 2016a). Terdahulu, dalam ucapan sempena program ‘*A Tribute To Muhammad Asad*’ pada 13 Disember 2009, beliau menyebut bahawa “untuk memahami tafsiran Asad, kita perlu memahami corak hermeneutika al-Quran menurut Asad. Seluruh pendekatan hermeneutika Muhammad Asad berdasarkan pada penekanan bahawa setiap pernyataan al-Quran adalah ditujukan kepada akal manusia dan harus, kerana itu, difahami baik dalam pengertian literal atau alegorinya (Ahmad Farouk Musa 2016b).

Merujuk prakata *The Message of the Qur'an*, Muhammad Asad mengambil pendekatan filologikal dan hermeneutik dengan menyatakan bahawa al-Quran tidak dapat difahami dengan tepat sekiranya mengambil makna berdasarkan Islam yang telah ‘diinstitusikan’. Menurut beliau, al-Quran sepatutnya diterjemahkan mengikut konteks ketika ia diturunkan, iaitu ketika umat jahiliyah belum mengenali Islam sebagai agama yang bersistem lengkap dengan set undang-undang dan peraturan. Menurut Fahmi Salim (2010), hermeneutik adalah kaedah untuk memahami kitab suci dengan cara menundukkannya dalam ruang sejarah, bahasa dan budaya yang terbatas. Ia dikembangkan oleh peradaban Barat sekular yang tidak menepati konsep tafsir atau takwil dalam khazanah ilmu Islam.

Makna Islam dalam wacana liberal sudah sering dibahaskan sama ada oleh sarjana bukan muslim seperti John Hick dan Wilfred Cantwell Smith, atau sarjana muslim seperti Muhammad Syahrur, Nurcholish Madjid, Syed Hussein Nasr, dan lain-lain. Muhammad Syahrur (2002) mengatakan, “Islam dan iman adalah dua hal yang berbeza. Islam lebih dahulu daripada iman. Dan muslimin tidak terbatas kepada pengikut Muhammad”. Selanjutnya beliau menulis bahawa, “Islam adalah penerimaan atas kewujudan Allah dan hari akhirat. Apabila penerimaan itu dipadu dengan ehsan dan amal soleh, pelakunya disebut muslim, baik ia berasal daripada

pengikut Nabi Muhammad, Nabi Musa atau dari penolong Nabi Isa (Nasara) atau dari *millah* selain tiga millah ini seperti Majusi, Syīfiyyah dan Buddha.”

Berdasarkan kajian Syamsi Wal Qamar (2015), pemaknaan Islam oleh beberapa tokoh liberal membawa kepada beberapa implikasi termasuk membawa kepada dakwaan kebenaran semua agama (pluralisme agama). Gavin D’ Costa (1991) ketika membuat ulasan terhadap syarahan John Hick, pelopor pluralisme agama, bertajuk *An Interpretation of Religion* menyebut bahawa John Hick adalah penyumbang utama dalam debat mengenai pluralisme agama dan selalu menjuarai pendekatan pluralis yang bertentangan dengan pendekatan ‘*exclusivist*’ iaitu Kelompok yang berpegang bahawa dakwaan kebenaran (truth claim) hanya dimiliki suatu agama secara eksklusif tanpa kompromi. Dakwaan kebenaran mutlak (absolute truth) ini umumnya terdapat dalam setiap agama manakala ‘*inclusivist*’ pula kelompok yang berpegang kepada kebenaran mutlak yang lebih longgar. Inklusivisme masih tetap meyakini bahawa hanya salah satu agama sahaja yang paling benar, tetapi agama lain juga diterima dan tetap selamat. Ideologi ini muncul dalam kalangan Kristian Barat sebagai respons terhadap dakwaan eksklusif yang dianggap oleh mereka ketinggalan zaman. Menurut beliau, pandangan asas seorang pluralis adalah menekankan tentang kebenaran atau kesahihan agama besar yang tradisi dan mempunyai pelbagai jalan yang berbeza menuju keselamatan. Abdulla Galadari (2012) pula berpandangan bahawa anggapan mengenai keeksklusifan Islam (exclusivity) bukanlah satu prinsip fundamental dalam Islam, bahkan bertentangan dengan nas al-Quran. Beliau turut membahaskan makna perkataan Islam dalam al-Quran yang tidak semestinya ditafsirkan kepada agama Islam seperti yang dikenali hari ini kerana perkataan tersebut mempunyai beberapa maksud seperti pasrah menyerah diri, tangga juga keselamatan.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini bersifat analitikal deskriptif menggunakan reka bentuk analisa kandungan. Ia adalah sebuah kajian tekstual yang menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data bersumberkan rujukan primer, iaitu terjemahan dan huraian yang dikemukakan oleh Muhammad Asad dalam karya beliau sendiri, *The Message of the Qur’ān*. Selain daripada itu tulisan Muhammad Asad yang lain dan kitab-kitab tafsir ulama muktabar dalam bidang Tafsir juga digunakan untuk analisis perbandingan. Skop kajian melibatkan nas-nas al-Quran yang mengandungi perkataan “*al-Islām*.”

Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016), kajian analisis kandungan terbahagi dua jenis, pertama analisis konseptual yang membuat kajian terhadap konsep sesuatu kandungan teks. Setiap kandungan teks diteliti daripada sudut makna yang

eksplisit (tersurat) dan implisit (tersirat). Kedua, analisis semantik yang mengkaji hubungan konsep yang bermakna. Dalam konteks kajian ini, kajian terhadap nas al-Quran yang mengandungi perkataan Islam membawa penyelidik kepada penelitian terhadap nas yang mempunyai terminologi dan konsep seperti ‘keselamatan akhirat’, ‘ahli kitab’, ‘*hanif*’ dan ‘fitrah’ kerana huraian oleh Muhammad Asad berhubungan dengan konsep tersebut. Cara penyelidik berinteraksi dengan teks yang dikaji ialah dengan menyenaraikan, melihat kepada definisi setiap terminologi atau terma yang berkaitan serta membanding, dan mengkaji sebab dan akibat atau kesan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Nas yang mengandungi perkataan Islam antaranya adalah ayat 19, surah Āli ‘Imrān yang diterjemahkan oleh Tafsir Pimpinan al-Rahman seperti berikut (semua terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu selepas ini adalah berdasarkan terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman):

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), siapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka Allah amat segera hitungan hisabnya (Āli ‘Imrān 3: 19).

Allah SWT berfirman pada ayat seterusnya: “ Dan sesiapa yang mencari agama selain daripada agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi”(Āli ‘Imrān 3: 85).

Berdasarkan pemahaman terhadap tafsiran Muhammad Asad terhadap perkataan Islam, penyelidik telah mendalami konsep lain yang turut terkandung dalam makna Islam sebagai agama yang cuba dilihat daripada perspektif Muhammad Asad dengan menyemak dan melakukan rujuk silang terhadap terjemahan dan huraian beliau terhadap ayat al-Quran yang berkaitan.

Perspektif terhadap Konsep Agama yang Benar

Muhammad Asad menterjemahkan ayat 19, surah Āli ‘Imrān seperti berikut (semua terjemahan al-Quran berbahasa Inggeris selepas ini merujuk kepada Tafsir Muhammad Asad, *The Message of the Qur’ān*):

Behold, the only [true] religion in the sight of God is [man’s] self surrender unto Him; and those who were vouchsafed revelation aforetime took, out

of mutual jealousy, to divergent views [on this point] only after knowledge [thereof] had come unto him. But as for him who denies the truth of God's messages-behold, God is swift in reckoning! (Āli 'Imrān 3: 19).

Terjemahan: Lihatlah. Sesungguhnya satu-satunya agama (yang benar) di sisi Tuhan adalah [seorang yang] menyerah diri kepada-Nya, dan orang yang telah diberikan wahyu terdahulu mengambil sikap untuk berbeza pandangan [pada sudut ini] kerana saling berhasad dengki, hanya selepas datang pengetahuan kepada mereka. Tetapi bagi sesiapa yang menafikan kebenaran ayat-ayat (firman) Tuhan-lihatlah, Tuhan itu amat segera dalam perhitungan! (Āli 'Imrān 3: 19).

Di samping mentafsirkan agama yang benar di sisi Tuhan adalah ‘sikap menyerah diri kepada Tuhan’, Muhammad Asad turut mengemukakan interpretasi yang berbeza daripada para *mufasssir* terhadap tafsiran ‘Ahli Kitab’ (atau kaum yang diberikan kitab). Beliau menterjemahkannya kepada ‘orang yang diturunkan wahyu’ sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW secara umum tanpa merujuk secara khusus kepada kaum Yahudi dan Nasrani seperti tafsiran majoriti ulama Tafsir. Dalam huraian beliau menjelaskan lagi, “kemungkinan besar ia memberi maksud yang lebih luas dan relevan kepada semua kaum yang mempunyai manuskrip kitab suci yang masih wujud walaupun sebahagiannya telah terseleweng atau hilang sebahagian yang asal” (Muhammad Asad 1980).

Menurut Asad, semua kaum ini pada asalnya percaya kepada doktrin satu Tuhan (God's oneness) dan berpegang kepada sikap penyerahan diri (kepatuhan) kepadaNya sebagai intipati ajaran kepada semua agama yang benar (the essence of all true religion). Kenyataan ini telah menunjukkan bahawa terdapat banyak agama yang benar menurut perspektif Muhammad Asad kerana beliau menggunakan frasa ‘*all true religion*’ tersebut. Beliau menjelaskan lagi, yang menjadikan mereka berpaling daripada ajaran sebenar adalah kebanggaan terhadap kaum (sectarian pride) dan saling menafikan (kebenaran) pihak yang lain (mutual exclusiveness) (Muhammad Asad 1980).

Pendapat bahawa bahawa Allah menurunkan banyak agama dan semuanya sah di sisi Allah adalah tidak benar sekalipun terdapat banyak agama yang mempunyai intipati penyerahan diri kepada Tuhan termasuk agama monoteisme yang didakwa ajaran para Nabi terdahulu oleh para penganutnya. Khalif Muammar (2013) menyatakan bahawa, “tidak ada seorang pun Nabi dan Rasul yang diutus oleh Allah dapat dianggap beragama Yahudi, Nasrani, apatah lagi beragama Hindu dan Buddha”. Terdapat hadis *Ṣaḥīḥ* yang dihimpunkankan oleh *al-Bukhārī* (t.th a) seperti dalam *Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang secara jelas menyebut lafaz ‘*dīn*’ yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Para Nabi adalah saudara sebapa, ibu-ibu mereka adalah berbeza dan agama mereka adalah satu” (*Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, Kitāb al-anbiyā’*, no. 1374).

Surah al-An‘ām (ayat 159) menjadi dalil bahawa agama yang diutuskan kepada para Nabi dan Rasul pada asalnya hanyalah satu, iaitu Islam. Imam Fakhr al-Din Al-Rāzi mentafsirkan orang yang memecahkan agama (*farraqa dīnahu*) dalam ayat ini adalah mereka yang mengakui sebahagian ayat dan mengingkari sebahagian yang lain (al-Rāzi 2000). Berdasarkan hadis yang meriwayatkan tafsiran ayat ini dalam Tafsir al-Rāzi dan Tafsir al-Tabari membawa kepada rumusan bahawa ayat ini ditujukan kepada kalangan musyrik yang menyembah berhala, kaum Yahudi dan Nasrani dan umat Islam yang menyeleweng daripada agama dengan melakukan perkara bidaah, sesat dan syubhat.

Nabi SAW berlepas diri daripada golongan ini termasuk kaum Yahudi dan Nasrani kerana mereka berpura-pura menjadi pengikut agama yang ḥanīf, kerana membuat perkara baharu dalam agama, yang sesat dari jalan yang lurus dan dari agama yang benar, iaitu agama Nabi Ibrahim (millah) yang disebut oleh al-Tabari bahawa baginda Ibrahim a.s adalah beragama Islam (al-Tabari, 2008). Keengganan mereka mengikut Islam, iaitu satu-satunya agama yang lurus (ḥanīf) yang juga merupakan agama para Nabi dan Rasul, merupakan sebab sebenar agama asal yang satu telah berpecah. Bukan sepertimana pandangan Muhammad Asad yang mengaitkan sebab berpecahan agama berpunca daripada gejala sektarian dan dakwaan kebenaran eksklusif oleh setiap agama.

Perspektif terhadap Konsep Keselamatan Akhirat

Sehubungan dengan pemahaman agama yang benar sebagaimana kefahaman tersebut, kajian diperdalam terhadap ayat yang berkaitan dengan keselamatan di akhirat untuk melihat aspek penerimaan di sisi Tuhan. Apakah agama-agama lain diterima di sisi Tuhan dan membawa keselamatan kerana mempunyai prinsip menyerah diri kepada Tuhan?

Menurut perspektif Muhammad Asad, keselamatan di akhirat tidak khusus diperuntukkan kepada mana-mana nama (agama), bahkan ia terbuka kepada sesiapa yang mengakui keesaan Allah dan melakukan perkara yang baik:

Thus, according to the Quran, salvation is not reserved for any particular ‘denomination’, but is open to everyone who consciously realizes the oneness of God, surrenders himself to His will and, by living righteously, gives practical effect to this practical attitude (Muhammad Asad 1980).

Terjemahan: Oleh itu, menurut al-Quran, keselamatan tidak diperuntukkan kepada mana-mana nama kumpulan agama tertentu, tetapi ia terbuka kepada

sesiapa sahaja yang secara sedar memahami keesaan Tuhan (satu Tuhan), menyerahkan dirinya kepada kehendak-Nya dan, dengan menjalani hidup secara betul (dari segi moral), memberi kesan praktikal kepada sikap praktikal (kelakuan) (Muhammad Asad 1980).

Pandangan tersebut berasaskan kefahaman beliau terhadap ayat al-Quran: *Verily, those who have attained to faith [in this divine writ], as well as those who follow the Jewish faith, and the Christians, and the Sabians- all who believe in God and Last Day and do righteous deeds- shall have their reward with their Sustainer; and no fear need they have, and neither shall they grieve*” (al-Baqarah 2:62).

Muhammad Asad bermaksud mengatakan semua kaum Yahudi, Kristian, Sabi’in dan semua yang percaya kepada Tuhan, hari akhirat dan melakukan perbuatan baik di dunia akan selamat sekalipun mereka telah menyeleweng (rujuk ulasan beliau mengenai ‘orang-orang yang diberikan kitab’ dalam ayat 19, surah Āli ‘Imrān di atas), asalkan memenuhi tiga elemen, iaitu percaya kepada Tuhan, percaya kepada hari akhirat dan melakukan perbuatan baik. Bahkan beliau percaya bahawa setiap individu akan diadili berdasarkan kepercayaan masing-masing dan mengikut amal perbuatannya sendiri. Bagi huraian ayat 139, surah al-Baqarah mengenai dakwaan kaum Yahudi dan Kristian tentang keselamatan akhirat hanya dikhususkan kepada kaum mereka, beliau menyatakan:

The Quran refutes these ideas by stressing, in the next sentence, that God is the Lord of all mankind, and that every individual will be judged on the basis of his own beliefs and his own behaviour alone (Muhammad Asad 1980).

Terjemahan: Al-Quran menolak idea ini dengan memberi penekanan dalam ayat berikutnya, bahawa Tuhan adalah Tuan Pemilik kepada semua umat manusia, dan bahawasanya setiap individu akan diadili berdasarkan kepercayaan masing-masing dan kelakuannya sendiri (Muhammad Asad 1980).

Pandangan Asad telah diambil oleh Nurcholish Madjid yang merujuk tafsiran beliau. Nurcholish menyokong dakwaan Sayyid Muhammad Rasyid Ridha yang dipetik daripada Abdul Hamid Hakim bahawa pengertian Ahli Kitab tidak hanya merujuk kaum Yahudi, Kristian dan Majusi sahaja, tetapi termasuk penganut Hindu, Buddha, kaum Cina, Jepun dan lain-lain kerana mereka adalah penganut suatu jenis kitab suci yang mengandungi ajaran dasar tauhid atau Ketuhanan Yang Maha Esa sehingga kini. Abdul Hamid Hakim mengatakan bahawa memang mereka telah menyimpang daripada tauhid itu, dan terjadi perubahan dalam bahagian tertentu kitab suci mereka, namun hal itu tidak perlu dihairankan kerana perkara yang sama juga terjadi pada kaum Yahudi dan Kristian (Nurcholish Madjid 1995).

Berdasarkan rujukan Tafsir Pimpinan al-Rahman, ayat 62 dalam surah al-Baqarah ini sebenarnya ditujukan kepada orang Yahudi, Nasrani, Sabi'in dan sesiapa sahaja yang berada pada zaman Nabi Muhammad SAW atau yang datang kemudian daripada itu. Ayat ini untuk memperjelaskan bahawa mereka semua tidak perlu bimbang dengan keselamatan di akhirat sekiranya mereka beriman kepada Allah Taala (menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Rasul terakhir, Nabi Muhammad SAW).

'Beriman kepada Allah' di dalam ayat ini bermaksud kepercayaan yang disertakan dengan beriman kepada keseluruhan Nabi yang telah diutuskan oleh Allah Taala, bermula daripada Adam hingga kepada Nabi Muhammad SAW dan bukan sekadar mempercayai adanya Tuhan yang satu sebagaimana fahaman monoteisme yang kosong daripada roh tauhid. Dalam erti kata lain, mereka yang tidak beriman kepada Nabi Muhammad dan agama Islam yang dibawanya adalah tetap kafir.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2013) menyatakan, mengakui Allah sebagai Tuhan, mempercayai hari akhirat dan berbuat baik sahaja tidak cukup untuk menjadi syarat mana-mana agama itu diterima di sisi Allah. Beliau membuat perumpamaan sikap Yahudi dan penganut agama lain yang melakukan penyerahan tanpa mengikut kaedah dan bentuk yang diperakui Allah SWT adalah sama seperti sikap Iblis. Iblis tercatat dalam al-Quran sebagai makhluk pertama yang menunjukkan contoh kafir, walaupun Iblis mengakui keesaan Allah dan sememangnya mengenal Allah sebagai Tuhan Yang Maha Pencipta.

Perspektif terhadap Agama Ḥanīf dan Fitrah

Bagi memahami perspektif Muhammad Asad terhadap agama ḥanīf (agama yang lurus), penyelidik menyemak terjemahan dan huraian beliau ke atas ayat yang mengandungi perkataan 'ḥanīf' seperti ayat berikut:

"And they say, "Be Jews" – or, "Christian" - "and you shall be on the right path." Say: "Nay, but [ours is] the creed of Abraham, who turned away from all that is false, and was not of those who ascribe divinity to aught beside God" (al-Baqarah 2:135).

Terjemahan: Dan mereka berkata, "Jadilah kamu 'penganut agama Yahudi'- atau, 'penganut agama Kristian' – "nescaya engkau akan berada pada jalan yang benar". Katakanlah: "Bahkan kami mengikuti akidah Nabi Ibrahim, yang berpaling daripada semua (agama) yang palsu, dan bukan terdiri daripada kalangan orang yang mensyirikkan Tuhan" (al-Baqarah 2:135).

Menurut Asad, masyarakat sebelum zaman kedatangan Islam terus memahami ayat ini dengan konotasi *monotheistic* (kepercayaan kepada prinsip Tuhan yang

tunggal). Beliau menjelaskan makna ‘hanīf’ (turned away from all that is false) sebagai menjauhi perbuatan berdosa, mementingkan keduniaan dan mempercayai khurafat seperti menyembah atau memuja sesuatu makhluk; *tahannuf* melambangkan pengabdian kehambaan yang sungguh-sungguh, terutamanya yang terdapat dalam ibadat golongan *Unitarian* (satu golongan daripada penganut Kristian yang mempercayai Tuhan itu satu, bukan Trinititi) di zaman pra Islam (Muhammad Asad 1980).

Oleh kerana beliau menghadkan tafsiran terbatas kepada Islam yang belum ‘diinstitusikan’ sebagaimana kenyataan beliau dalam prakata *The Message of the Qurān*, maka konotasi *monotheistic* ini tidak mengandungi pengertian tauhid Islam. Oleh itu, agama ‘hanīf’ tidak semestinya merujuk kepada agama Islam; agama yang palsu adalah melakukan perbuatan berdosa, mementingkan keduniaan dan mempercayai khurafat seperti menyembah atau memuja sesuatu makhluk, tanpa pengertian tauhid yang seharusnya merujuk kepada Islam.

Hakikat tauhid sebagai intipati ajaran yang diturunkan kepada para Nabi dan Rasul sejak Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad SAW tidak terdapat dalam agama lain selain Islam. Khalif Muammar (2013) menyatakan, intipati agama Islam sudah bermula sejak zaman Nabi Adam, namun ia tidak disebut sebagai *dīn* (agama yang lengkap dengan aturan dan sistem kehidupan manusia yang bertamadun), tetapi disebut sebagai *millah*.

Menurut (Anis Malik Thoha 2009), semua Nabi dan Rasul membawa risalah yang sama, agama yang sama, daripada sumber yang sama. Oleh kerana itulah, al-Quran mengajarkan sikap tidak membezakan para Nabi dan Rasul dan menjadikannya sebagai salah satu daripada rukun tauhid. Syariat mereka (peraturan, undang-undang, hukum hakam) berbeza mengikut masalahat zaman masing-masing tetapi agama mereka tetap satu kerana ketetapan akidah mengenai tauhid, perkara ketuhanan dan kenabian adalah sama. Kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul yang terakhir dalam pusingan kenabian telah memansuhkan semua syariat yang sebelumnya. Hakikatnya agama monoteisme yang wujud pada hari ini seperti Yahudi dan Kristian bukanlah agama asal para Nabi dan Rasul.

Ayat lain dalam al-Quran seperti ayat 30, surah al-Rūm, agama ‘hanīf’ dihubungkan dengan perkataan ‘fitrah’ yang dari sudut bahasa membawa maksud kecenderungan semula jadi setiap individu.

(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ‘agama Allah’ iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya lagi) untuk

menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (al-Rūm, 30: 30).

Imam al-Tabari mentafsirkan agama ‘ḥanīf’ yang disebut dalam ayat tersebut sebagai agama Islam berdasarkan hadis yang diriwayatkan bagi mentafsir ayat ini. Oleh itu ‘fitrah’ yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah kecenderungan setiap manusia untuk tunduk kepada agama yang lurus (ḥanīf), iaitu Islam.

Berbeza dengan Muhammad Asad, fitrah dalam ayat ini menurutnya adalah kecenderungan semula jadi atau keupayaan intuitif yang dikurniakan sejak lahir kepada setiap manusia untuk mengenal antara perkara baik dan buruk, antara benar dan palsu secara umum; merasai kewujudan Tuhan dan keesaanNya adalah termasuk antara fitrah manusia. Tetapi makna ‘fitrah’ perspektif Muhammad Asad tidak dapat difahami terikat atau terhubung kepada agama Islam. Pertama, kerana perkataan Islam telah ditafsirkan kepada sikap berserah diri kepada Tuhan secara longgar. Kedua, agama ‘ḥanīf’ lebih cenderung ditafsirkan sebagai agama monoteisme secara umum seperti huraian tersebut. Ketiga, al-Bukhārī (t.th b) menyebut hadis yang masyhur dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau, daripada Abu Hurairah RA sabda Nabi SAW ketika membuat huraian ayat 30, surah al-Rūm ini:

Setiap anak yang lahir, dilahirkan atas fitrah, maka kedua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janā’iz*, no.1359).

Istilah ibu bapa dalam hadis ini menurut Asad mempunyai pengertian yang lebih luas, bukan secara langsung merujuk kepada ibu bapa, tetapi pengaruh sosial dan persekitaran. Dalam satu tulisan yang lain, beliau menyatakan bahawa pilihan antara kepercayaan dan ketidakpercayaan agama ditentukan oleh suasana di mana mereka dibesarkan. Istilah ibu bapa dalam hadis ini secara logik dapat dipanjangkan kepada lingkungan yang lebih umum seperti kehidupan keluarga, sekolah, masyarakat dan sebagainya (Muhammad Asad 2016).

KESIMPULAN

Tafsiran perkataan Islam kepada sikap menyerah diri kepada Tuhan menurut perspektif Muhammad Asad membawa kepada pengiktirafan kebenaran semua agama terutamanya agama monoteisme. Menurut beliau, semua yang menyerah diri kepada Tuhan adalah muslim yang dijamin keselamatan dalam al-Quran tanpa melihat kepada agama apapun penganutnya selagi mereka berpegang kepada kepercayaan kepada Tuhan yang tunggal (monoteisme), sekalipun ajaran mereka

telah terpesong disebabkan faktor sosiobudaya yang mempengaruhi perubahan itu. Apa yang penting menurut Muhammad Asad, mereka adalah muslim yang diterima di sisi Tuhan berdasarkan tiga prasyarat: menyerah diri kepada Tuhan, percaya adanya hari akhirat dan berbuat baik di dunia. Bagi Asad, dakwaan kebenaran mutlak pada agama Islam atau sebarang agama yang mempunyai dakwaan kebenaran adalah punca kepada perpecahan manusia dan permusuhan antara penganut agama. Pandangan dan tafsiran beliau didapati boleh membawa kepada teori pluralisme agama John Hick kerana terdapatnya unsur menafikan kebenaran mutlak agama Islam, mengiktiraf kebenaran agama-agama yang lain dan berpegang kepada konsep keselamatan akhirat lebih luas kepada semua kepercayaan agama. Pada sisi *Ahli Sunah Waljamaah*, pandangan sebegini adalah tertolak kerana bertentangan dengan prinsip tauhid yang terkandung dalam Rukun Iman dan Rukun Islam. Ini adalah kerana agama monoteisme yang lain tidak beriman kepada Tuhan yang sama dengan Tuhan yang diimani oleh penganut Muslim. Bahkan antaranya mempunyai kepercayaan trinititi yang bercanggah dengan konsep keesaan Allah dan mereka tidak beriman kepada Rasul yang terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai penutup dan penyempurna syariat terdahulu. Jaminan keselamatan di akhirat dengan hanya mempercayai hari akhirat dan melakukan perbuatan baik di dunia, adalah penyimpangan daripada akidah yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul secara keseluruhannya. Ini adalah kerana semua Nabi dan Rasul mempertahankan tauhid yang murni daripada unsur syirik dan masing-masing telah menyampaikan tentang kedatangan Nabi yang terakhir sebagai penutup pusingan kenabian. Bahkan dosa syirik adalah dosa yang tidak diampuni Allah SWT dan telah ditentukan tingkatan neraka secara khusus bagi kelompok ini. Sekiranya penyerahan diri kepada Tuhan semata-mata yang menentukan kebenaran sesuatu agama, maka tiada keperluan untuk Allah SWT memberi peringatan dalam firman yang bermaksud:

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): “Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itu lah petunjuk yang benar”. Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu (al-Baqarah 2:120).

Penganut agama lain yang pernah diutuskan Rasul termasuk Yahudi dan Kristian, pasti beragama Islam pada hari ini andainya mereka tidak menyeleweng daripada ajaran para Nabi dan Rasul masing-masing. Sebagaimana Nabi Isa a.s yang akan menjalankan hukum dengan syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW apabila baginda (Isa a.s) dibangkitkan kembali di akhir zaman nanti.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1998. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr.

Abdulla Galadari. 2012. Diversity in Heaven: Qur'anic Perspective Beyond Pluralisme. *The International Journal of Diversity in Organisations, Communities and Nations* 11(3): 135-150.

Ahmad Farouk Musa. 2014. *Speech by Dr. Ahmad Farouk Musa during Book Launch Event of Risalah al-Quran at the Islamic Arts Museum*. <http://irfront.net/post/speeches/speech-by-dr-ahmad-farouk-musa-during-book-launch-event-of-risalah-al-quran-at-the-islamic-arts-museum-on-26-february-2012/> [1 Disember 2017].

Ahmad Farouk Musa. 2016a. *Memugar Pemikiran Reformis*. <http://irfront.net/post/articles/memugar-pemikiran-reformis/> [4 Disember 2017].

Ahmad Farouk Musa. 2016b. *Menelusuri Risalah Reformis Tafsir Muhammad Asad*. <http://irfront.net/post/articles/menelusuri-risalah-reformis-tafsir-muhammad-asad/>[4 Disember 2017].

Ahmad Sabri Othman. 2015. Konsep tauhid menurut Ismail Raji al-Faruqi: Analisis terhadap isu-isu dalam pluralisme agama. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.

Anis Malik Thoha. 2009. Fahaman Pluralisme Agama Merosakkan Akidah. Dalam *Seminar Pemurnian Akidah 2009*, hlm. 49-73. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

al-Bukhārī, Abu Abd. Allah Muhammad bin Ismail. t.th (a). *Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Text and Translation*. Terj. Ahmad Zidan & Dina Zidan. Cairo: Islamic Inc. Publishing & Distribution.

al-Bukhārī, Abu Abd. Allah Muhammad bin Ismail. t.th (b). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jld.1. Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-ʿArabiyah.

Fahmi Salim. 2010. *Kritik terhadap Studi al-Quran Kaum Liberal*. Depok: Gema Insani.

Gavin D' Costa. 1991. John Hick and Religious Pluralism: Yet Another Revolution. Dlm. *Problems in the Philosophy of Religion: Critical Studies of the Work of John Hick*, disunting oleh Harold Hewitt. London: Macmillan Press Ltd.

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Khalif Muammar. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maziah Mahmud. 2007. *The tafsir of Muhammad Asad: An analytical study of his methodology*. Tesis Sarjana, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Asad. 1966. *The Road to Mecca*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Muhammad Asad. 1980. *The Message of the Qur'an*. Gibraltar: Dar Al-Andalus.
- Muhammad Asad. 1981. *Islam di Simpang Jalan*. Terj. M. Hashem. Bandung: Penerbit Pustaka Perpustakaan Salman ITB.
- Muhammad Asad. 2016. *Islam di Persimpangan Jalan*. Terj. Ahmad Nabil Amir. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Muhammad Syahrur. 2002. *Islam dan Iman: Aturan-aturan Pokok*. Terj. M.Zaid Su'di. Yogyakarta: Penerbit Jendela.
- Muzaffar Iqbal. 2016. The making of free thinker of Islam (Part 1): Muhammad Asad. *Islamic Sciences* 14(1): 3-24.
- Nurcholish Madjid. 1995. *Islam Agama Kemanusiaan: Membangun Tradisi dan Visi Baru Islam Indonesia*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Al-Rāzi, Fakhruddin Muhammad Ibnu Umar. 2000. *Al-Tafsīr al-Kabīr Aw Mafātih al-Ghaib*. Jld. 7-8. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Syamsi Wal Qamar. 2015. Kritik makna Islam perspektif orientalis dan liberal. *Jurnal Kalimah* 13(1): 157-178.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2013. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad Ibnu Jarir. 2008. *Tafsir al-Tabari*. Terj. Ahmad Affandi et al. Jld.10. Jakarta: Pustaka Azzam.

